

ACTIV-RUB PAIN RELIEF EMULSION GEL

Methyl Salicylate / Menthol (30% w/w / 8%w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel
2. Bagaimana Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel berfungsi
3. Sebelum menggunakan Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel
4. Cara menggunakan Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel
5. Semasa menggunakan Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel

Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel digunakan untuk memberikan kelegaan terhadap sakit sementara otot dan sendi yang dikaitkan dengan artritis, sakit belakang yang ringan, ketegangan otot dan terseliuh.

Bagaimana Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel berfungsi

Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel mempunyai kesan analgesik dan anestetik tempatan yang ringan. Apabila diurut secara perlahan-lahan pada kulit, kesan penyejukan dirasai pada mulanya diikuti dengan rasa hangat.

Sebelum mengguna Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel

– Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan jika:

- anda mempunyai alahan terhadap methyl salicylate, menthol, atau mana-mana bahan lain Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel yang disenaraikan di hujung risalah ini. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.
- anda hamil atau sedang menyusu.
- anak anda berumur 12 tahun ke bawah.
- anak anda mengalami seleselma, cacar air atau demam.

– Sebelum mula menggunakan

Sebelum anda mula menggunakannya, uji pada kawasan kecil dahulu.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan gunakan Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel jika anda hamil, cuba hamil atau fikir anda mungkin hamil.

Jangan gunakan Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel jika anda sedang menyusu. Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan sebarang ubat.

– Jika menggunakan ubat- ubatan lain

Produk ini mengandungi methyl salicylate dan apabila disapu pada kulit, boleh diserap melalui kulit ke dalam darah. Bagi pesakit yang mengambil warfarin, sila gunakan di bawah arahan doktor untuk mengelakkan penggunaan berlebihan pada kulit yang boleh menyebabkan kejadian pendarahan yang disebabkan oleh kesan warfarin. Sila dapatkan nasihat doktor anda sebelum menggunakan produk ini.

Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel

– Berapa banyak harus digunakan

Sapukan sedikit kuantiti dan urut perlahan-lahan pada kawasan yang terjejas sehingga diserap sepenuhnya. Ulang 3 hingga 4 kali sehari jika perlu.

– Bila perlu digunakan

Gunakan apabila mengalami sakit otot/sendi.

– Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel mengikut tempoh yang disyorkan oleh doktor atau ahli farmasi.

– Jika terlupa menggunakan

Sapu dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan penggunaan ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapu dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

– Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Keracunan salicylate kronik yang ringan, biasanya berlaku hanya selepas

penggunaan dos yang besar secara berulang. Keracunan salicylate juga boleh berlaku berikutan penggunaan topikal salicylate yang berlebihan. Gejala termasuk pening, tinnitus, pekak, berpeluh, loya dan muntah, sakit kepala dan kekeliruan. Gejala di atas boleh dikawal dengan mengurangkan dos yang digunakan.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin telah mengambil ubat ini dengan terlalu banyak. Lakukan sedemikian walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel

– Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Beritahu doktor, doktor gigi atau ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel.

– Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan pada luka atau kulit yang rosak.

Jangan gunakan pembalut atau pad pemanas pada kawasan yang disapu.

Jangan sapu pada permukaan badan yang besar.

Jangan mulakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai gejala atau keadaan yang sama dengan anda.

Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel adalah untuk kegunaan topikal sahaja. Jangan gunakannya di dalam mulut. Jangan telan. Berhati-hati agar Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel tidak terkena pada mata anda. Jika ini berlaku, bilas mata anda dengan air bersih. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda jika sebarang ketidakselesaan berterusan.

– Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan gunakan pada kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

ACTIV-RUB PAIN RELIEF EMULSION GEL

Methyl Salicylate / Menthol (30% w/w / 8%w/w)

Elakkan terkena mata, mukosa membran, kulit yang pecah atau merengsa.

Kesan Sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Sakit kepala, pening, loya dan muntah, kerengsaan kulit, dermatitis kontak, ruam, gatal-gatal, kemerahan atau bengkak, rasa terbakar atau pedih mungkin berlaku.

Ubat ini boleh menyebabkan hipersensitiviti/tindak balas alahan pada sesetengah individu dengan kulit sensitif.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda mendapati sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel

Penyimpanan

- Jauhi ubat daripada kanak-kanak.
- Lindungi daripada cahaya.
- Simpan pada suhu di bawah 30°C.
- Pastikan penutup tertutup rapat selepas dibuka.
- Jangan gunakan produk ini selepas tarikh luput atau jika tiub bocor atau jika penutup muncung tiub pecah.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Activ-Rub Pain Relief Emulsion Gel adalah gel berwarna putih hingga putih pudar.

– *Bahan-bahan*

- Bahan-bahan aktif
Methyl Salicylate, Menthol.
- Bahan-bahan tidak aktif
Carbomer 940, Propylene Glycol, Sodium Hydroxide 1M, N-Methylpyrrolidone, Isopropyl Myristate, Polysorbate 80, Polyoxyl 40 Hydrogenated Castor Oil, Isopropyl Alcohol, Purified Water.

– *MAL Number:*

MAL*****XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Winwa Medical Sdn. Bhd.
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

10/12/2025

Nombor siri

NPRA (R2) 25/234